

Berita Harian 19 Jun 78,

MAHATHIR: JANGAN TERTIPU DENGAN DAKYAH Rakyat diseru mengundi dengan bijak



DATO SRI DR MAHATHIR

TIMBALAN Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir menasihatkan pengundi-pengundi supaya mengundi dengan bijak dalam pilihanraya umum 8 Julai ini.

Katanya, jangan sekali-kali membenarkan diri mereka dipengaruhi oleh perasaan emosi yang ditimbulkan oleh parti-parti yang tidak bertanggungjawab.

Berucap kepada penduduk-penduduk tujuh buah kampung di Kampung Lada, 16 batu dari sini, Dato Seri Dr. Mahathir juga mengingatkan mereka supaya sentiasa berjajaga terhadap orang-orang yang akan berbuat apa saja untuk memenangi pilihanraya ini.

ALOR SETAR, Ahad

Orang-orang ini, tagasinya akan melakukan apa saja, termasuk menimbulkan isu-isu perkauman untuk menaikkan semangat pengundi-pengundi.

Propaganda

Menurutnya, pemimpin-pemimpin politik seperti itu juga akan menggunakan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang ramai sebagai isu kempen pilihanraya mereka.

Beliau berharap orang ramai tidak akan terpengaruh dan terpedaya dengan propaganda untuk mendapatkan sokongan.

"Kita jangan sekali-kali membenarkan mereka menimbulkan perpecahan sesama kita semata-mata kerana mereka hendakkan undi kita," katanya.

Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan bahawa perpecahan sesama sendiri akan hanya menjejaskan perjalanan projek-projek pembangunan.

Beliau memuji penduduk-penduduk kampung tersebut kerana mengamalkan sikap sederhana terhadap pembangunan dan kemudahan-kemudahan sosial yang disediakan di kampung mereka.

Penting

Sikap seperti itu, katanya, penting untuk kemajuan masyarakat kerana ianya boleh membantu mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek tersebut.

Mengenai pilihanraya, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, ia diadakan dari masa ke semasa untuk membolehkan rakyat memilih wakil masing-masing untuk membentuk Kerajaan yang akan berkhidmat kepada mereka.

Beliau berharap rakyat akan terus mengamalkan perhubungan dan persefahaman baik di antara mereka, khususnya dalam masa pilihanraya ini supaya ia berjalan dengan licin dan teratur.

No. Siri: 1342

No. Pen: 1013/80